

Sekat Perhimpunan Pembangkang Di Padang Merbok - Syed Ali Bernama
10 June, 2013

KUALA LIMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Pihak berkuasa di minta supaya tidak meluluskan permohonan pembangkang untuk mengadakan perhimpunan 'Blackout 505' di Padang Merbok di sini 15 Jun ini.

Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee berkata ini kerana perhimpunan itu tidak memberi sebarang manfaat kepada rakyat sebaliknya hanya menyemarakkan serangan fitnah dan hasutan supaya membenci kerajaan.

"Walaupun pembangkang mendakwa perhimpunan itu bakal berlaku secara aman, tetapi beberapa siri perhimpunan 'Blackout 505' yang diadakan sebelum ini dipenuhi dengan hemburan fitnah dan berbau hasutan," tegasnya.

Syed Ali yang juga Ketua UMNO Bahagian Cheras berkata tidak ada kewajaran bagi pihak berkuasa untuk membenarkan pihak penganjur mengadakan perhimpunan di Padang Merbok kerana niat mereka hanyalah untuk mencetuskan perspsesi negatif rakyat terhadap kerajaan.

"Sepatutnya tuntutan itu tidak diberikan layanan, selagi kita layan mereka, selagi itulah mereka mendabik dada dan berani melemparkan pelbagai tuduhan tidak berasas terhadap kerajaan dan pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak," tegasnya.

Katanya lagi, perhimpunan anjuran pakatan pembangkang itu bukan memenuhi keperluan rakyat sepertimana didakwa oleh Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli sebaliknya sebagai medan terbuka pemimpin mereka mempertikaikan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada PRU ke-13 baru -baru ini.

"Perhimpunan tersebut bukan kehendak kumpulan majoriti, mereka hasut dan perdaya rakyat kononnya berlaku penyelewengan semasa PRU ke-13, perhimpunan itu juga sekadar mahu memuaskan nafsu politik pemimpin pembangkang semama-mata," katanya dalam laman web www.umnobahagian.cheras.blogspot.com.

Syed Ali berkata, SPR telah memberi ruang kepada mana-mana pihak yang mempertikaikan keputusan PRU ke-13 supaya mengemukakan petisyen dan diselesaikan berdasarkan undang-undang.

"Kenapa Anwar (Datuk Seri Anwar Ibrahim) tidak mahu guna saluran yang dibenarkan itu, sebaliknya menggunakan himpunan jalanan, ini bermakna motif mereka bukan menyuarakan kehendak rakyat tetapi cuba menjadikan negara ini kacau bilau," tegasnya.

Tambahnya lagi, itulah juga hasrat Anwar yang mahu meruntuhkan kerajaan BN yang dipilih oleh rakyat secara demokratik menggunakan kaedah revolusi politik seperti yang berlaku di beberapa negara Timur Tengah.

Justeru itu, beliau sekali lagi mengulangi gesaannya supaya polis perlu bertindak tegas di bawah Akta Perhimpunan Aman dan Akta Hasutan terhadap Anwar dan pemimpin pembangkang yang jelas melakukan hasutan menerusi perhimpunan tersebut.

Dalam perkembangan lain, Syed Ali menyifatkan Anwar yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh hanya 'berlakon' kononnya akan memulaukan sidang Parlimen akan datang bertujuan menarik perhatian rakyat.

"Anwar tuduh PRU ke-13 tidak sah kononya berlaku penipuan, sekarang nak boikot sidang Parlimen, jadi saya cabar beliau supaya letak jawatan sebagai Ahli Parlimen jika sah ada penipuan, tegasnya.

Syed Ali turut menyelar sikap PAS yang suka berdolak-dalik berhubung pembabitan parti itu dalam perhimpunan 'Blackout 505' sambil mendakwa PAS tidak pernah konsisten dalam perjuangan politik membela rakyat.

Beliau mengulas kenyatana Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu pada Ahad bahawa parti itu memutuskan untuk menyertai perhimpunan 'Black 505' anjuran Pakatan Rakyat yang akan diadakan pada 15 Jun ini.

Beliau tidak menolak kemungkinan PAS mula menerima tekanan daripada DAP dan PKR berhubung dengan pendirian awalnya untuk tidak menyokong perhimpunan jalanan yang didalangi oleh Anwar.

"Pendirian lalang PAS ini menunjukkan kepada kita bahawa parti itu hanya menjaga kedudukan politik pemimpin mereka daripada mengambilkira suara dan kepentingan majoriti rakyat yang telah menyatakan sokongan kepada BN," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=955032>